



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-
PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERHUBUNG AKSES KEPADA
PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI NEGERI
SELANGOR**

KANDUNGAN

| BIL | PERKARA | HALAMAN |
|-----|---|---------|
| 1 | Pendahuluan | 1 |
| 2 | Latar Belakang | 1 |
| 3 | Taklimat Mengenai Situasi Terkini Isu Akses Kepada Pendidikan Awal Kanak-Kanak Oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), KEMAS, Dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) | 1 |
| 4 | Taklimat/Sesi Perkongsian Mengenai Akses Pendidikan Awal Kanak-Kanak Oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Early Childhood Care And Education Council (ECCE), Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM), Dan Persatuan Taska Negeri Selangor (PTNS) | 7 |
| 5 | Penemuan Jawatankuasa | 11 |
| 6 | Saranan Jawatankuasa | 12 |
| 7 | Perakuan | 12 |
| | Ahli-Ahli Jawatankuasa | 13 |
| | Urus setia | 13 |

Lampiran 1 (Wakil Agensi / Individu Yang Terlibat)

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PEMBASMIAN KEMISKINAN BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI AKSES KEPADA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI NEGERI SELANGOR

1. PENDAHULUAN

Penyata ini dibentangkan adalah bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berkaitan akses golongan B40 di negeri Selangor untuk pendidikan awal kanak-kanak. Selain itu, JPK-Pembasmian Kemiskinan berharap agar kerajaan negeri dapat menetapkan hala tuju yang lebih jelas mengenai perkara tersebut.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 4 kali iaitu pada 18 Ogos 2022 (Bil.11/2022), 1 September 2022 (Bil.12/2022), 15 September 2022 (Bil.13/2022) dan 27 September 2022 (Bil.14/2022). Berikut adalah agensi/individu yang telah dijemput ke mesyuarat JPK-Pembasmian Kemiskinan (**LAMPIRAN 1**):
 - 2.1.1 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)
 - 2.1.2 Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS)
 - 2.1.3 KEMAS Negeri Selangor
 - 2.1.4 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
 - 2.1.5 Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM)
 - 2.1.6 Persatuan Taska Negeri Selangor (PTNS)
 - 2.1.7 Early Childhood Care & Education (ECCE)

3. TAKLIMAT MENGENAI SITUASI TERKINI ISU AKSES KEPADA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK OLEH BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM), KEMAS, DAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR (JPNS)

- 3.1 Jawatankuasa mengambil maklum taklimat-taklimat yang telah disampaikan oleh wakil dari KEMAS, JPNS, dan BPSM. Berikut adalah perkara-perkara yang telah dibincangkan:-

3.1.1 Modul pembelajaran

- a. Pihak JPNS memaklumkan modul pembelajaran bagi kesemua institusi pendidikan awal kanak-kanak termasuk swasta adalah tertakluk kepada Kokurikulum Prasekolah Kebangsaan 2017.

- b. Pihak KEMAS memaklumkan terdapat 3 dasar hala tuju pendidikan awal kanak-kanak iaitu:-
- i. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
 - ii. Dasar Pembangunan Luar Bandar
 - iii. Pelan Kualiti Perkhidmatan Pembangunan Awal Kanak-kanak KEMAS 2020-2030

3.1.2 Enrolmen

- a. Pihak JPNS memaklumkan pencapaian peratusan enrolmen prasekolah (awam dan swasta) untuk kanak-kanak yang berumur 4+ tahun dan 5+ tahun adalah melebihi sasaran yang ditetapkan oleh KPI melibatkan 521 prasekolah di Selangor.
- b. JPNS memaklumkan berdasarkan sistem permohonan eprasekolah, terdapat banyak penolakan bagi prasekolah yang terletak di kawasan berkepadatan tinggi seperti di bandar.
 - i. Menurut rekod eprasekolah, penolakan kemasukan kanak-kanak ke prasekolah dibawah KPM di Selangor melibatkan lebih kurang 10,000 kanak-kanak.
 - ii. Kriteria pemilihan kepada permohonan yang berjaya mengambil kira pelbagai aspek seperti Umur wajaran (lima (50 tahun), jarak prasekolah ke rumah pemohon, kewarganegaraan dan pendapatan bulanan ibubapa).
 - iii. Permohonan perlu dibuat setiap tahun.
 - iv. JPNS memaklumkan setakat ini sistem eprasekolah hanya terpakai bagi prasekolah KPM. JPNS mengambil maklum cadangan Jawatankuasa agar sistem ini dipanjangkan kepada institusi pendidikan awal kanak-kanak swasta terutama PASTI dan ABIM.
- c. KEMAS memaklumkan enrolmen kanak-kanak bagi yang berumur 4 hingga 6 tahun di Selangor adalah 24,633 kanak-kanak melibatkan 782 institusi dan 1015 kelas.
- d. Jawatankuasa mengambil maklum kekangan dan cabaran JPNS dan KEMAS dalam usaha meningkatkan enrolmen adalah seperti berikut:
 - i. Persaingan dengan institusi pendidikan awal kanak-kanak swasta yang menawarkan waktu persekolahan

kanak-kanak melebihi 4 jam sehari seperti Tadika PASTI.

- ii. Kekurangan bilangan kakitangan dan kualiti guru
 - 1. JPNS memaklumkan terdapat 109 perjawatan yang masih belum diisi bagi jawatan Pembantu Pengurusan murid oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
 - 2. JPNS memaklumkan pihaknya hanya menerima peruntukan RM19 ribu setahun bagi melaksanakan kursus pemantapan kepada guru-guru prasekolah di seluruh Selangor.
 - 3. JPNS turut memaklumkan pihaknya tidak mempunyai peruntukan untuk mengganti / menambahbaik peralatan-peralatan pembelajaran dan aktiviti luar kerana kementerian mengutamakan peruntukan untuk membayar gaji guru-guru prasekolah.
- iii. Kekangan bilangan kelas dan bangunan
 - 1. JKNS memaklumkan sejak tahun 2013, tiada peruntukan dibuat untuk tujuan pembinaan bangunan baharu.
 - 2. KEMAS memaklumkan pihaknya menggunakan premis bukan hak milik sama ada di bawah jabatan atau premis yang dibayar menggunakan duit sumbangan.
 - 3. BPSM memaklumkan kerajaan negeri memperuntukkan RM26.5 juta setahun untuk kerja-kerja penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah di Selangor.

3.1.3 Inisiatif perluasan tabika untuk meningkatkan enrolmen

- a. JPNS dan KEMAS memaklumkan pihak mereka telah menambah bilangan kelas dengan membahagikan waktu pembelajaran kepada dua sesi sehari. Iaitu 4 jam pada sesi pagi dan 4 jam pada sesi petang.
- b. JPNS memaklumkan pihak mereka telah mengadakan promosi dan membuka kiosk di pasaraya-pasaraya sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menggalakkan ibubapa membuat permohonan kemasukan ke prasekolah melalui sistem eprasekolah.
- c. JPNS turut mengadakan kerjasama dengan pihak sekolah melalui pelaksanaan hari terbuka pada waktu petang di

- sekolah bagi membantu ibubapa membuat permohonan melalui sistem eprasekolah.
- d. KEMAS melaksanakan usaha perluasan tabika berdasarkan 3K iaitu kehendak, keperluan dan keupayaan KEMAS sendiri.
 - e. KEMAS memaklumkan pihaknya ada menerima bantuan dalam usaha perluasan tabika seperti bantuan dari Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang menawarkan premis.

3.1.4 Yuran kemasukan/bulanan

- a. JPNS memaklumkan bagi prasekolah dibawah KPM, tiada yuran dikenakan manakala KEMAS memaklumkan pihaknya hanya menerima sumbangan bulanan daripada ibubapa dengan kadar antara RM5 hingga RM50 sebulan.
 - i. KEMAS juga memaklumkan kebanyakan ibubapa memberi sumbangan diantara RM25 hingga RM30 sebulan.
- b. Jawatankuasa mengambil maklum JKNS tidak dibenarkan membuat permohonan untuk mendapatkan sumbangan daripada mana-mana pihak namun pihaknya hanya boleh menerima sumbangan secara sukarela.
- c. KEMAS memaklumkan sumbangan ibubapa tersebut digunakan oleh pihaknya untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti dan sambutan perayaan.
- d. BPSM memaklumkan kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta setahun bagi bantuan TUNAS dan ASUH PINTAR kepada tadika dan taska yang berdaftar dengan YAWAS bagi kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun sahaja.
 - i. Bagi bantuan TUNAS, kerajaan negeri peruntukkan RM50/seorang, dan
 - ii. Bagi bantuan ASUH PINTAR, kerajaan negeri peruntukkan RM100/seorang

3.1.5 Bantuan

- a. JPNS memaklumkan peruntukkan bantuan makanan daripada kerajaan kepada murid-murid prasekolah adalah RM2 bagi setiap kanak-kanak manakala KEMAS memaklumkan tabika dibawah seliaan KEMAS diperuntukkan bantuan makanan sebanyak RM3 bagi setiap kanak-kanak di tabika KEMAS (2 kali makan sehari)

- dan RM4 untuk kanak-kanak di taska KEMAS (3 kali makan sehari).
- b. Selain daripada bantuan makanan, terdapat bantuan lain seperti geran perkapita untuk perbelanjaan pakaian, peralatan dan penyelenggaraan yang dimaklumkan oleh pihak KEMAS dimana kriteria pemilihan penerima bantuan adalah berdasarkan pendapatan bulanan. Jumlah bantuan adalah RM75 bagi setiap murid TASKA dan RM58 bagi setiap murid tabika.
 - c. Prasekolah JPNS pula menerima Bantuan Geran Per Kapita Prasekolah (PCG Pra) bertujuan menampung kos pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi sukan pelajaran prasekolah dengan kadar RM100 bagi setiap murid setahun Bantuan Kokurikulum Sekolah (BKK) prasekolah iaitu RM25 bagi setiap murid.

3.1.6 Status keterlibatan masyarakat

- a. KEMAS memaklumkan pihaknya ada melaksanakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan masyarakat seperti Bengkel Kemahiran Keibubapaan, Gotong-royong, Hari Terbuka, sukan, bengkel pemakanan sihat dan keselamatan jalan raya yang melibatkan wakil kementerian yang berkaitan dan ibubapa.
- 3.2 Jawatankuasa mengambil maklum pandangan jabatan/agensi mengenai perkara-perkara berikut dan jawatankuasa juga mengambil maklum tiada kajian dibuat khusus berkenaan tiga (3) perkara tersebut.

3.2.1 Lokasi-lokasi penempatan penduduk yang tiada akses kepada pendidikan prasekolah.

- a. JPNS memaklumkan terdapat prasekolah yang mempunyai enrolmen yang kurang daripada 10 murid namun disebabkan kawasan tersebut tidak mempunyai institusi pendidikan awal kanak-kanak yang berdekatan, prasekolah tersebut diteruskan operasi dan program untuk menggalakkan ibubapa menghantar anal-anak ke prasekolah telah diadakan dan kini jumlah enrolmen telah meningkat.
- b. JPNS memaklumkan proses untuk prasekolah ditamatkan operasi adalah sekiranya terdapat institusi pendidikan awal kanak-kanak yang lain (wujud persaingan) dalam radius 3 kilometer.

3.2.2 Data mengenai kanak-kanak yang tidak dihantar ke institusi pendidikan awal kanak-kanak dan faktor-faktornya.

- a. Jawatankuasa mengambil maklum buat masa ini tiada data kanak-kanak yang tidak dihantar ke institusi pendidikan awal kanak-kanak namun data tersebut dibuat dengan menggunakan data kemasukan kanak-kanak institusi pendidikan awal yang dikumpul dan direkodkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan data berkaitan populasi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).
- b. Antara faktor-faktor yang dikenalpasti semasa sesi perbincangan adalah seperti berikut:-
 - i. Kekangan masa iaitu ibubapa/penjaga mengalami kesukaran untuk mengantar dan mengambil anak-anak.
 - ii. Kekangan kos yuran bulanan tadika/taska swasta yang menawarkan waktu pembelajaran/penjagaan sehingga waktu petang terutama kepada ibubapa/penjaga yang mempunyai kekangan masa.
 - iii. Kekangan jarak antara tempat tinggal dengan institusi pendidikan awal

3.2.3 Tahap kualiti pendidikan kanak-kanak lepasan institusi pendidikan awal kanak-kanak.

- a. BPSM memaklumkan atas inisiatif kerajaan negeri, satu program saringan telah dibuat ke atas pelajar-pelajar tahun 4, 5, dan 6 di sebahagian tadika dibawah JPNS, KEMAS dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk mengenalpasti tahap pencapaian pembelajaran kanak-kanak setelah pelaksanaan PKP dengan kerjasama penyelidik daripada Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sunway. Hasil kajian tersebut akan dibentangkan pada akhir bulan September 2022.

4. TAKLIMAT/SESI PERKONGSIAN MENGENAI AKSES PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM), EARLY CHILDHOOD CARE AND EDUCATION COUNCIL (ECCE), PERSATUAN PENGASUH BERDAFTAR MALAYSIA (PPBM), DAN PERSATUAN TASKA NEGERI SELANGOR (PTNS).

4.1 Jawatankuasa mengambil maklum taklimat, sesi perkongsian dan cadangan-cadangan daripada wakil-wakil agensi/persatuan dan berikut adalah antara perkara-perkara yang telah dibincangkan:-

4.1.1 Isu pendaftaran dan pelesenan pusat-pusat Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) / Pusat Jagaan Kanak-kanak dan TADIKA.

- a. JKM memaklumkan terdapat mesyuarat *One Stop Centre* (OSC) yang melibatkan agensi-agensi teknikal iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kesihatan dalam proses pengeluaran Perakuan Pendaftaran TASKA-TASKA yang dikategorikan dalam 4 kategori iaitu TASKA Komuniti (TASKOM), TASKA di Tempat Kerja, TASKA Institusi dan TASKA di Rumah.
- b. PPBM memaklumkan mulai Februari 2023, 15% TASKA di Rumah akan ditarik balik Sijil Perakuan Pendaftaran kerana JKM memaklumkan mulai Januari 2022, kesemua TASKA di Rumah dikehendaki menepati syarat-syarat teknikal seperti yang dipatuhi oleh TASKA-TASKA lain. Sebelum ini TASKA di Rumah tertakluk kepada Garis Panduan Permudah penubuhan TASKA 2012.
- c. Jawatankuasa mengambil maklum kekerapan pemantauan JKM terhadap TASKA berdaftar adalah enam (6) bulan sekali.
- d. Jawatankuasa mengambil maklum bagi TASKA yang tidak/belum berdaftar, pihak JKM bergantung kepada aduan-aduan yang dibuat dan tindakan susulan akan dibuat setelah TASKA-TASKA tersebut direkodkan dalam senarai TASKA tidak berdaftar.
- e. Bagi TASKA-TASKA yang ingin mengambil kanak-kanak berumur empat (4) tahun ke atas, TASKA tersebut perlu membuat permohonan dan mendapatkan kelulusan JKM.
- f. Jawatankuasa mengambil maklum seseorang yang merupakan saudara samada melalui pertalian darah, persemedaan atau pengangkatan di sisi undang-undang

- tidak dikira dalam menentukan bilangan penghuni di sesebuah pusat jagaan.
- g. Jawatankuasa mengambil maklum TADIKA yang ingin memanjangkan waktu operasi sehingga petang perlu membuat permohonan dan mendapatkan kelulusan dengan mematuhi syarat menyediakan latihan pengukuhan kepada kanak-kanak.

4.1.2 Isu cabaran pengusaha-pengusaha TASKA

- a. JKM memaklumkan kekangan pengusaha TASKA dalam mendapatkan lesen adalah mendapatkan kelulusan agensi-agensi teknikal seperti menyediakan pintu kedua sebagai laluan alternatif iaitu antara syarat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.
- b. Kekangan lain adalah menepati syarat minimum JKM iaitu pengusaha hendaklah hadir dan lulus Kursus Asas asuhan Kanak-kanak (KAAK) / Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA (KAP) yang diiktiraf oleh JKM.
- c. JKM memaklumkan berkaitan dengan KAP, kursus tersebut hanya boleh ditawarkan dari agensi-agensi yang diiktiraf oleh JKM seperti PPBM dan PTNS dimana kursus tersebut melibatkan 144 jam waktu pembelajaran dan yuran adalah RM900 termasuk buku.
- d. PPBM memaklumkan pengusaha-pengusaha TASKA mempunyai kekangan kos operasi dan upah pekerja yang bergantung sepenuhnya kepada jumlah kutipan yuran bulanan yang tidak mencukupi. Ketetapan gaji minimum yang baharu iaitu RM1,500 sebulan telah menyebabkan pengusaha TASKA tidak mampu untuk menampung kos tersebut serta meneruskan operasi dengan kadar yuran semasa.
- e. Jawatankuasa mengambil maklum jumlah yuran bulanan minima bagi setiap kanak-kanak yang diperlukan untuk menanggung kos minimum operasi keseluruhan TASKA adalah RM800.
- f. Jawatankuasa juga mengambil maklum yuran bulanan terendah di kawasan luar bandar adalah RM250 sebulan manakala di bandar seperti Shah Alam adalah RM450 sebulan namun bayaran gaji pengasuh adalah dibawah tahap gaji minimum dan bilangan pengasuh tidak mengikut nisbah pengasuh dengan kanak-kanak yang telah ditetapkan oleh JKM.

g. ECCE memaklumkan pihak mereka telah membina jaringan pintar bersama agensi seperti YAWAS dan *The Asia Foundation* untuk memastikan kualiti TASKA-TASKA dan mencadangkan agar kerjasama seperti itu dapat diperluaskan dan melibatkan Yayasan-yayasan yang mampu untuk menyalurkan kewangan kepada TASKA-TASKA melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di kawasan sekitar.

4.1.3 Isu kualiti pengasuh/pendidik dalam pendidikan awal kanak-kanak

- a. ECCE memaklumkan pihaknya fokus kepada tahap kualiti pengasuh dan pendidik dalam pendidikan awal kanak-kanak dimana pentingnya bagi pusat-pusat TASKA didaftarkan kerana pengasuh-pengasuh di TASKA berdaftar telah menjalani kursus dan lulus KAP.
- b. ECCE memaklumkan pihaknya telah mendapatkan MQA bagi kursus Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (APEL.Q) dengan tahun pengalaman kerja minimum dalam bidang berkaitan selama 10 tahun.
- c. PPBM memaklumkan pihaknya telah mengadakan perbincangan dengan pihak JKM Malaysia untuk mencadangkan supaya KAP dimasukkan sebagai salah satu subjek (jam kredit) dalam program pendidikan awal kanak-kanak di peringkat universiti.
- d. Jawatankuasa mengambil maklum kerajaan negeri melalui YAWAS ada menyediakan kursus percuma bagi wanita-wanita yang ingin menawarkan perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak di rumah iaitu Kursus Intensif Perkembangan Kanak-Kanak (KIPK).
- e. Bagi pendidik dalam pendidikan awal kanak-kanak, modul pembelajaran adalah tertakluk kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK).

4.1.4 TASKA dibawah seliaan kerajaan (tiada yuran pendaftaran/bulanan) dan TASKA yang mendapat subsidi.

- a. Jawatankuasa mengambil maklum TASKA percuma yang disediakan oleh kerajaan adalah TASKA Genius Perpaduan yang dahulunya dikenali sebagai TASKA Permata yang kini berada dibawah seliaan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan hanya mengambil kanak-kanak berumur dua (2) tahun keatas sahaja.

- b. PTNS memaklumkan terdapat sebuah TASKA tersebut di Hulu Selangor yang kini mempunya lebih kurang 48 kanak-kanak.
- c. TASKA Komuniti adalah yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan dimana TASKA tersebut mendapat subsidi dan menawarkan yuran bulanan yang rendah. Di Selangor, bilangan TASKA Komuniti telah berkurang daripada lapan (8) kepada tiga (3).
- d. Jawatankuasa mengambil maklum bantuan subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di TASKA sebanyak RM180 sebulan oleh kerajaan persekutuan hanya layak bagi TASKA-TASKA yang mengenakan yuran dibawah RM400 sebulan dan bagi kanak-kanak isi rumah yang mempunyai had pendapatan bulanan RM800 per kapita.
- e. Jawatankuasa juga mengambil maklum TASKA yang telah mendapat bantuan Asuh Pintar (RM100) tidak akan menerima bantuan subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di TASKA (RM180).

4.1.5 Cadangan-cadangan kepada kerajaan negeri

- a. Pemberian susu percuma secara berkala untuk memenuhi tuntutan pemakanan dan pertumbuhan kanak-kanak di TASKA Berdaftar.
- b. Bantuan makanan berbentuk buah-buahan dan makanan diberikan selaras dengan piramid makanan terkini 2020 yang telah berubah di mana konsep suku-suku separuh menetapkan buah-buahan dan sayur-sayuran adalah separuh yang utama.
- c. Inisiatif pemberian elau RM300 sebulan patut diberikan kepada pendidik TASKA yang telah lulus KAP dan mengikuti syarat yang diberikan untuk menaikkan profesionalisme pengasuh dan pendidik dalam pendidikan awal kanak-kanak.
- d. Menjalankan projek rintis untuk TASKA Komuniti atau TASKA di Tempat Kerja seperti di sekolah bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan dan memudahkan ibubapa keluar bekerja dalam keadaan tenang.
- e. Memudahkan birokrasi urusan mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan supaya TASKA seperti pengecualian daripada segala prosedur kebenaran merancang dan lain-lain. Perkara ini telah dilaksanakan di Majlis Bandaraya Kuantan.

- f. Geran kepada TASKA Berdaftar untuk membaikpulih premis dan penyelenggaraan peralatan.
- g. Kursus KAP dan KSPK kepada pengasuh-pengasuh diberi secara percuma.

5. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 5.1 Jawatankuasa mendapati berkenaan isu akses kepada institusi pendidikan awal kanak-kanak, terdapat beberapa permasalahan di lapangan seperti berikut:-
- a. Di kawasan luar bandar, jumlah kanak-kanak (murid) yang sedikit menyebabkan institusi tidak dapat beroperasi dengan baik yang mana ada di antaranya berhadapan dengan risiko penutupan.
 - b. Di kawasan bandar, ibubapa tiada pilihan melainkan menghantar anak-anak ke institusi swasta kerana kapasiti dan penempatan institusi pendidikan awal kanak-kanak kerajaan (Prasekolah, Tabika KEMAS, Tabika Perpaduan) sedia ada tidak mencukupi.
 - c. Ibubapa terpaksa membayar yuran bulanan yang lebih tinggi kerana memilih untuk menghantar anak-anak ke institusi yang menawarkan perkhidmatan TADIKA, TASKA dan Pusat Jagaan kanak-kanak pada masa yang sama untuk mengelakkan urusan penghantaran dan pengambilan anak-anak dari TADIKA ke TASKA/Pusat Jagaan atau sebaliknya.
 - d. Manakala bagi institusi yang menawarkan perkhidmatan TADIKA, TASKA dan Pusat Jagaan kanak-kanak pada masa yang sama mempunyai kekangan dari pelbagai aspek seperti mendapatkan lesen operasi, kos operasi, upah pekerja dan lain-lain yang berisiko menyebabkan institusi tidak dapat beroperasi dengan baik dan berisiko beroperasi tanpa lesen. (**rujuk 4.1.2**).
 - e. Manakala TASKA-TASKA kerajaan (TASKA Komuniti dan TASKA Genius Perpaduan/TASKA PERMATA Perpaduan]) adalah sangat terhad.
- 5.2 Jawatankuasa mendapati pada masa ini tiada satu agensi dan sistem yang membuat pengumpulan data berkenaan taburan dan kepadatan penduduk untuk memastikan bilangan TABIKA/TASKA mencukupi untuk penduduk setempat.
- 5.3 Jawatankuasa turut mendapati buat masa ini tiada satu agensi yang menjalankan koordinasi dan perancangan antara agensi-agensi kerajaan yang menawarkan TABIKA/TASKA percuma atau mampu bayar.

6. SARANAN JAWATANKUASA

- 6.1 Jawatankuasa menyarankan agar Kerajaan Negeri mengambil usaha untuk mengkoordinasi semua lokasi institusi-institusi pendidikan awal kanak-kanak Kerajaan (TABIKA dan TASKA) bagi tujuan memastikan semua kanak-kanak daripada keluarga B40 di Selangor mempunyai akses kepada pendidikan awal dan isu-isu berkaitan akses kepada institusi pendidikan awal kanak-kanak (**rujuk 5.1**) dapat diatasi.
- a. Koordinasi ini boleh dilaksanakan melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan dengan kerjasama PlanMalaysia@Selangor.
 - b. Sekiranya tiada koordinasi antara TABIKA/TASKA kerajaan seperti yang dinyatakan di atas, ibu bapa akan terpaksa menghantar anak-anak ke institusi swasta yang memerlukan yuran bulanan yang lebih tinggi atau tidak menghantar anak-anak ke institusi tersebut.
 - c. Koordinasi ini perlu memandangkan usaha tersebut tidak dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti yang telah dimaklumkan kepada jawatankuasa semasa sesi taklimat.

7. PERAKUAN

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi/individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan dalam mesyuarat Jawatankuasa Bil. 14/2022 bertarikh 27 September 2022.

Disahkan oleh:

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas
Pembasmian Kemiskinan

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- | | | |
|----|--|-----------|
| 1) | Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran (ADN Bukit Gasing) | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (ADN Permatang) | Ahli |
| 3) | Y.B Tuan Chua Wei Kiat (ADN Rawang) | Ahli |
| 4) | Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof (ADN Dusun Tua) | Ahli |
| 5) | Y.B. Tuan Lai Wai Chong (ADN Teratai) | Ahli |
| 6) | Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin (ADN Sungai Panjang) | Ahli |
| 7) | Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (ADN Sabak) | Ahli |

URUS SETIA

- 1) Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- 2) Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
- 3) Encik Mohamad Izad Syafiq Bin Ahmad Mashudi
Pembantu Setiausaha Pejabat (Dewan)
- 4) Cik Siti Khadijah Binti Maarof
Penyelidik

LAMPIRAN 1

SENARAI WAKIL AGENSI/INDIVIDU YANG TERLIBAT

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR (JPNS)

1. Encik Mohd Irwan bin Mohamed Yusi, Penolong Pengarah

KEMAS NEGERI SELANGOR

1. Puan Roslinda binti Mat Zin, Penolong Pengarah Kanan

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)

1. Encik Mazhan bin Mujail, Ket. Pen. Setiausaha (Dasar)
2. Puan Nur Mala Binti Mansur, Pen. Setiausaha

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)

1. Puan Aidah binti Md Tan, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kanak-Kanak & Perintah Khidmat Masyarakat
2. Puan Siti Hajar binti Yahya, Penolong Pegawai

PERSATUAN PENGASUH BERDAFTAR MALAYSIA (PPBM)

1. Puan Anisa binti Ahmad, Presiden

PERSATUAN TASKA NEGERI SELANGOR (PTNS)

1. Puan Mahanom binti Basri, Presiden

EARLY CHILDHOOD CARE & EDUCATION (ECCE)

1. Datin Prof. Dr. Mariani binti Md Nor
Presiden
2. Puan Dr. Esther Yong
Naib Bendahari

